



BUKTI ... Abdul Hadi menunjukkan kertas yang memihak kepada PAS dan Keadilan yang dipercayai dibuang bagi mengurangkan jumlah undi manakala Setiausaha Agung PAS, Nasharuddin Mat Isa menunjukkan gambar orang ramai membuang undi yang disiarkan dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris

Begitulah adat bertanding, ada yang menang dan ada yang kalah. Yang menang kenalah teruskan perjuangan berpandukan kepada janji-janji seperti dalam Manifesto yang dikeluarkan dan yang menang tu kenanlah terima dengan hati terbuka. takdir telah menentukan bahawa PAS tewa di tangan BN di Terengganu. Inilah hakikat sebenarnya.

Persoalannya, apabila BN kalah di Terengganu dan Kelantan, BN terima dengan hati terbuka walaupun ianya terlalu pahir untuk ditelan kerana meninggalkan pengundi-pengundi dan rakyat yang setia. Selepas itu pengundi-pengundi yang menyokong BN ketika itu di aninya oleh PAS melalui Majlis Syuranya BN tak berkata sepatu apapun ketika itu.

Yang menjadi hakikatnya ketika ini, Hadi Awang bukanlah seorang ulamak tetapi adalah seorang munafik dan pembohongan yang dilemparkan kepada rakyat Malaysia tidak boleh dimaafkan. Pembohongan yang dibuatnya seperti " Undi PAS Masuk Syurga", pemimpin DAP umpama ubat yang tamat tempohnya dan bermacam-macam lagi merupakan sebahagian dari pelbagai kempen beliau untuk meraih sokongan pengundi.

Hanya pengundi yang bodoh dan tidak waras yang menerima sogokan pembohongan Hadi Awang. Apa yang jelas, Allah swt ingin menunjukkan kepada Hadi Awang bahawa Hadi Awang bukannya Tuhan yang boleh sesuka hatinya memasukkan seseorang itu samada ke syurga atau neraka. Keseluruhan calon PAS tewang ditangan BN di Terengganu dan kesemua calon-calon DAP menang.

Bukan itu sahaja, Hadi Awang akan dilabelkan sebagai seorang yang munafik dan menafikan hakikat kekalahan itu kerana takdir telah menentukan dan kita sebagai manusia hanya menerimanya. Kekalahan beliau itu bukan sahaja disebabkan oleh tingkah-lakunya tetapi oleh ahli-ahli yang begitu taksub dan tidak percaya kepada takdir. kekalutan SPR yang berlaku itu hanyalah merupakan sebahagian dari takdir

Tuhan, walaupun perkiraan dibuat bagi kali kedua itu takdir telah menentukan Hadi kalah di Terengganu.

Kekalahan telah berlaku, Hadi Awang kenalah terima hakikat ini. Apakah dengan menunjukkan kertas undi yang memihak PAS itu dibuang boleh mengembalikan keputusan itu? Atau ada orang PAS yang memihak kepada PAS tetapi bertukar fikiran untuk memihak kepada BN dan justeru itu kertas undi dibuang begitu sahaja sebagai undi rosak. Ini juga boleh berlaku dalam pilihanraya.

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.